

BERITA ONLINE

ONE NEWS

TARIKH: 28 APRIL 2022 (KHAMIS)



Perkasa kemahiran digital, MIMOS, HUAWEI jalan kerjasama

April 28, 2022

100 individu disasar mengikuti Program Transformasi Digital yang bakal dilancarkan Jun ini. Inisiatif dilaksana Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Gunaan Nasional (MIMOS) dengan kerjasama syarikattelekomunikasi HUAWEI.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, program bermatlamat meningkatkan kebolehan dan kepakaran digital dalam kalangan tenaga kerja tempatan.

Peserta akan dipilih dalam kalangan kakitangan syarikat tempatan yang melaksana perniagaan berasaskan teknologi maklumat. Mereka akan menerima latihan kemahiran daripada pihak HUAWEI.

Lima bidang utama menjadi fokus iaitu perkhidmatan 5G, Internet Kebendaan, Data Raya, Kecerdasan Buatan dan Jaringan Capaian Radio. Setelah selesai, pensijilan Huawei Certified ICT Associate akan dikeluarkan.